

# PM mahu kemesraan Aidilfitri diamal sepanjang masa

Oleh Wan Jailani Razak

**S**HAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu umat Islam menghayati sepenuhnya ucapan 'Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin' ketika bersalaman pada majlis Aidilfitri serta ikhlas dengan apa yang disebut.

Perdana Menteri mengajak rakyat memastikan apa berlaku pada hari raya iaitu kesediaan bermesra dan bermaaf-maafan akan terus menjadikan mereka sebagai insan yang mesra, bukan hanya pada hari raya saja.

"Bukan setakat makan ketupat atau makan makanan lain pun, tetapi kalau kenal mesra, bila bermaaf-maafan, kita harus sedia maaf memaafkan.

"Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin... biarlah apa yang diucapkan itu menjadi satu kerelaan yang ikhlas. Minta maaf atas perkara yang lalu, kalau tidak sia-sialah sebab lain di bibir lain di hati, macam kata (Allahyarham Tan Sri) P Ramlee.

"Kita mahu apa yang diucapkan itu biarlah sama di hati," katanya ketika berucap di Majlis Sambutan Hari Raya Perdana anjuran Perhu-

ngan Umno Negeri Selangor di Stadium Malawati, di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo bersama isteri, Datin Seri Zahrah Kechik dan kira-kira 20,000 pengunjung.

Abdullah berkata, pertemuan di majlis perayaan seperti itu mampu memperkukuhkan hubungan sesama rakyat walaupun berbeza kaum dan agama.

Katanya, perpaduan masih menjadi satu agenda yang perlu terus diperjuangkan oleh setiap kaum untuk mencapai suasana perpaduan sebenar bagi selama-lamanya.

"Kita perlu bersyukur kerana dapat meraikan Aidilfitri dengan meriah dan makanan secukupnya. Kita menerima kunjungan kawan dan sahabat ke rumah dan bersama mereka ke majlis yang diadakan untuk berhari raya.

"Suasana istimewa di negara kita diharap berkekalan selama-lamanya," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikan sumbangan hari raya kepada anak yatim, golongan kurang upaya dan ibu tunggal.



**BERSALAMAN:** Abdullah dan Jeanne disambut pada Majlis Sambutan Hari Raya Perdana di Stadium Malawati, semalam.